

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN
IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK]**

TARIKH : 16 JUN 2015 (SELASA)

SOALAN :

Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai lengkap dan segala maklumat tahunan berkaitan semua skim pembiayaan dan bantuan dalam pelbagai bentuk lain khusus untuk usahawan Bumiputera sejak penubuhan seperti jumlah dana yang disalurkan, bilangan penerima, statistik kejayaan dan sebagainya.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui pelbagai agensi dan institusi kewangan telah menyediakan pelbagai bentuk bantuan kepada usahawan Bumiputera dalam kategori perniagaan yang berbeza merangkumi perusahaan mikro, kecil, sederhana dan juga perniagaan berskala besar. Untuk makluman, sejumlah RM 31.51 bilion telah disalurkan kepada 816,007 usahawan Bumiputera dalam pelbagai bidang perniagaan seperti pembuatan, perkhidmatan (kecuali insurans, kewangan, sekuriti dan hartanah) teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), automotif, pendidikan, pertanian (aktiviti hulu dan hiliran), pemborongan dan peruncitan. Pembiayaan yang diberikan pula adalah bagi tujuan modal kerja, pembelian tanah dan premis bangunan serta mesin dan peralatan sokongan perniagaan. Senarai pembiayaan dan antara agensi yang terlibat adalah seperti berikut:

Bil	Agensi	Tahun Penubuhan	Pembiayaan Tahun 2014 vs Penerima	Jumlah pembiayaan (RM)	Jumlah penerima
1.	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	1966	RM720,693,277 vs 9,010	2.99 bilion	61,370
2.	Perbadanan Nasional Berhad (PNS)	29 November 1969 dibawah nama PERNAS	RM56 juta vs 299 penerima	330.89 juta	1,802
3.	Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)	1987	RM1.97 bilion vs 363,426 penerima	11.94 bilion	335,726
4.	Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional	1998	RM349.1 juta vs 25,163 penerima	3.34 bilion	306,870

Bil	Agensi	Tahun Penubuhan	Pembiayaan Tahun 2014 vs Penerima	Jumlah pembiayaan (RM)	Jumlah penerima
5.	Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)	1991	RM314.11 vs 720 penerima	2.11 bilion	7,988
6.	SME Corporation	1996	RM8.55 juta vs 198 syarikat	36.64 juta	980
7.	SME Bank	2005	RM 494.34 juta vs 257 penerima	2.16 bilion	2,343
8.	Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU)	2011	RM924.43 vs 366 penerima	2.13 bilion	687
9.	Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC)	1992	RM16.49 juta vs 2 penerima	24.9 juta	3
10.	Multimedia Development Corporation (MDeC)	1996	RM5.25 juta vs 728 penerima	13.01 juta	6,128
11.	Agrobank	1969	RM40.7 juta vs 499 penerima	210.1 juta	1,452
12.	Credit Guarantee Corporation (CGC)	1972	RM954.18 juta vs 1,605 penerima	2.76 bilion	5,405
13.	Bank Negara Malaysia	1959	1,489.5 juta vs 3,477 penerima	25.78 juta	62,266
14.	Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF)	1960	RM655.7 vs 395 penerima	3.43 bilion	2,987
Jumlah				31.51 bilion	816,007

- maklumat berhubung tahun program dimulakan, perincian program (objektif, tahap perniagaan yang dibiaya, outcome) adalah seperti di Lampiran

Bantuan pembiayaan ini telah mencatatkan pelbagai outcome kepada usahawan Bumiputera yang terlibat. Contoh outcome terpilih antaranya adalah seperti berikut:

Bil	Agensi	Program	Outcome	Contoh
1.	MARA	The Baron	Peningkatan bilangan usahawan korporat	a) Nama usahawan: Mazlin bt Mat

Bil	Agensi	Program	Outcome	Contoh
			Bumiputera yang memiliki sekurang-kurangnya 60% pegangan ekuiti dalam syarikat	<p>Nama syarikat: GA Properties & Development Sdn. Bhd. Pembiayaan :RM5 juta</p> <p>b) Nama usahawan: Mohd Zaidi Bin Ahmad Nama syarikat: D'Bumi Water Sdn. Bhd. Pembiayaan : RM3.5 juta</p>
2.	AIM	Mikrokredit	Peningkatan pendapatan daripada RM515 kepada RM2,675 (kajian UUM 2008/9)	<p>a) Nama usahawan : Ruslina binti Mambong Jualan sebulan RM100 ribu</p> <p>b) Nama usahawan : Kamaliah Razak Jualan sebulan RM50 ribu</p>
3.	SME Corp	Program Peningkatan Enterprise Bumiputera	<p>i. 37% (60 syarikat) mencatatkan kenaikan keuntungan sekurang-kurangnya 10% - 20%</p> <p>ii. 38% (61 syarikat) menunjukkan peningkatan penarafan bintang SCORE / M-CORE</p> <p>iii. 99% (159 syarikat) masih beroperasi.</p>	<p>a) Nama usahawan : Dato' Haji Abdul Jalil bin Hj Long Produk : Jalen (kicap dan sos) Jualan (2014) – RM59.5 juta</p> <p>b) Nama usahawan : Rudy Lawrance Sipayang Produk : perkhidmatan mesin cetak Jualan (2013) – RM2.8 juta</p>
4.	PUNB	PROSPER Pemborong	<p>i. 59% syarikat pelabur di bawah kategori A,B&F (baik memuaskan & baru)</p> <p>ii. 43% peningkatan di dalam jualan</p>	<p>a) Membangunkan Juara Industri Tempatan / Nasional serta Rantain Bekalan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Wesria Food Ventures Sdn. Bhd. • Serai Group Sdn. Bhd.

Bil	Agensi	Program	Outcome	Contoh
			iii. 53% peningkatan di dalam peluang pekerjaan	<ul style="list-style-type: none"> • Pasaraya Borong Sakan Sdn. Bhd
			iv. 20 syarikat Bumiputera telah dibangunkan sebagai industri juara di dalam pelbagai sektor	<ul style="list-style-type: none"> b) Membangunkan dan memperkasakan Jenama Tempatan <ul style="list-style-type: none"> • Jibbynco Sdn. Bhd. • Satay Station Sdn. Bhd. • Satay Station Sdn. Bhd.
			v. 6% penempatan Bumiputera di pusat membeli-belah terkemuka	<ul style="list-style-type: none"> c) Pemilikan Jenama Antarabangsa <ul style="list-style-type: none"> • Global Retail Ventures Sdn. Bhd. & GRV Toy Store Sdn. Bhd. (Jenama – Hamleys, Peacocks, BHS, Next • Premium Leisure Sdn. Bhd. (Jenama – Florsheim)
5.	MIDF	Skim Pinjaman Mudah Bagi Usahawan Automotif Bumiputera ("SLBAE")	Peningkatan jualan, peningkatan daya saing tempatan, akses pasaran yang meluas dan pengangan aset hartanah komersial.	<ul style="list-style-type: none"> a) Nama usahawan: Datuk Ahmad bin Kemin Nama syarikat: Mutiara Motors Sdn. Bhd. Jualan (2014): RM48 juta

Selain daripada bantuan pembiayaan kepada usahawan Bumiputera, Kerajaan telah telah mengumumkan dan melaksanakan beberapa dasar dan program untuk memantapkan penyertaan Bumiputera dalam bidang ekonomi. Sebagai contohnya, pelancaran Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera pada tahun 2011 yang merupakan langkah Kerajaan untuk memperkukuhkan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi negara melalui penciptaan kekayaan dan penyertaan seimbang dalam bidang bernilai ditambah tinggi termasuk bidang pembangunan keusahawanan.

Pada Mac 2013, Himpunan Usahawan Bumiputera telah diadakan bertujuan untuk memperkemas jalinan kerjasama di antara agensi-agensi pembangunan keusahawanan Bumiputera. Seterusnya pada 14 September 2013, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan pelbagai inisiatif melalui lima (5) fokus pemerkasaan semasa pelancaran program Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera, yang mana apabila ia dilaksanakan bersama-sama dengan SRI Merapatkan Jurang Ketaksamaan, akan meningkatkan dan merangsang penyertaan Bumiputera dalam bidang ekonomi. Di bawah Fokus Pemerkasaan Keempat, iaitu Memperhebat Keusahawanan dan Perniagaan Bumiputera, Kerajaan telah mengumumkan pelbagai inisiatif khusus untuk kaum Bumiputera bagi menjana pendapatan dan kekayaan.

Kerajaan sentiasa komited dalam mensinergi dan meneroka usaha niaga baru dan memberi jaminan akan memberikan perhatian yang sewajarnya terhadap usaha-usaha untuk meningkatkan kekayaan Bumiputera tanpa mengabaikan pembangunan ekonomi kaum lain. Usaha ini telah diberi perhatian dalam pelaksanaan projek dan program di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, dan akan diteruskan dalam perancangan Rancangan Malaysia Kesebelas yang akan datang.

Sekian. Terima kasih.